

**TEKS UCAPAN**  
**YANG DIPERTUA MPSP**  
**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM A MILLION APOLOGIES TO**  
**MOTHER EARTH 2012**  
**8 DISEMBER 2012 (SABTU), JAM 10.00 PAGI**  
**DI KOLAM TERATAI, SUNGAI RAMBAI, SEBERANG PERAI TENGAH**

---

Terima Kasih Saudara Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Alam Sekitar, Kesihatan, Kebajikan Masyarakat Penyayang

**Yang Berhormat Puan Chong Eng**

Ahli Parlimen Bukit Mertajam

**Yang Berhormat Tuan Tan Cheong Heng**

ADUN Padang Lalang

**Yang Dihormati Ahli-ahli Majlis, Majlis Perbandaran Seberang Perai**

**Ketua-Ketua Jabatan Majlis Perbandaran Seberang Perai**

**Pengerusi-pengerusi dan Wakil-wakil**

JKKK, Persatuan Penduduk dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan / Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

---

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

1. Pertama sekali, bersyukur kita kehadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan untuk sama-sama menghadiri *Perasmian Program A Million Apologies to Mother Earth 2012*.
2. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh, Yang berhormat Puan Chong Eng dan Yang Berhormat Tuan Tan Cheong Heng kerana sudi melapangkan masa untuk bersama-sama hadir dan sekaligus merasmikan program pada pagi ini.
3. Tidak lupa juga terima kasih diucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada pagi ini. Saya juga amat gembira dan terharu melihat kehadiran saudara-saudari sekalian dalam majlis ini kerana saya yakin kehadiran saudara-saudari bukan sahaja melambangkan keprihatinan tetapi melambangkan komitmen kita semua kepada kepentingan pemeliharaan alam sekitar.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Saya difahamkan Program *A Million Apologies to Mother Earth* merupakan satu acara tahunan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai tanda menghargai alam semulajadi secara berterusan. Program *A Million Apologies to Mother Earth* telah julung kali diadakan

pada 8 Ogos 2009 dimana 1.4 juta bebola tanah EM (*EM Mudball*) telah dilontarkan di lokasi-lokasi yang terpilih.

5. Pada tahun ini, Kolam Teratai, Sungai Rambai telah dipilih sebagai lokasi untuk program yang disambut. Isu alam sekitar, khususnya penjagaan kebersihan dan kualiti air sungai adalah antara cabaran-cabaran alam sekitar yang perlu dihadapi dan ditangani bersama-sama.
6. Tanggungjawab untuk memastikan kebersihan dan kualiti air sungai-sungai di negeri ini adalah tanggungjawab kita bersama. Usaha meningkatkan kesedaran pemuliharaan alam sekitar memerlukan komitmen, kerjasama dan sokongan semua pihak agar ianya dapat dilaksanakan secara berterusan demi kepentingan dan kesejahteraan hidup generasi masa akan datang.
7. Selaku Pihak Berkuasa Tempatan, MPSP memang sentiasa berusaha mengambil pelbagai langkah dan tindakan wajar untuk memastikan keadaan persekitaran terjaga. Program-program yang telah dijalankan oleh Jawatankuasa LA 21 MPSP adalah seperti Program Pengurusan Sisa Organik Dapur, Program Anugerah Sekolah Hijau, Program Sisa Sifar, Program Pengindahan dan Keceriaan Bandar, Ceramah Kitar Semula, Bengkel Membuat Mudball, Seminar Anugerah Industri Hijau dan lain-lain.
8. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan sekalian, sehingga November 2012 kutipan kitar semula adalah sebanyak 131,195 tan atas kadar 28%. Ini adalah satu angka yang tinggi dan saya harap

sehingga bulan Disember 2012, kita dapat mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri iaitu 30%. Ini telah membantu MPSP menjimatkan RM 2,650,139. Kolam Teratai Sungai Rambai akan dirawat dengan menggunakan bebola tanah pada hari setiap Sabtu pertama selama setahun. Ini boleh mengembalikan semula kualiti air di kolam ini. Selain itu, 27 pertubuhan telah terlibat dalam membuat 88,350 biji bebola tanah untuk sepanjang tahun 2012. Sebagai contoh Program Pengkomposan oleh Shence International dari Januari – November 2012, sebanyak 513 tan sisa organik dikutip kawasan Pasar bagan Ajam, Pasar Apollo, Pasar Pemborong Sayur Bukit Mertajam, Hotel Ixora, Megamal Pinang dan Sony.

9. MPSP juga bersama-sama dengan komuniti seperti Taman Bagan Lalang, Permatang Janggus untuk Daerah Seberang Perai Utara, Taman Desa Damai, Taman Semarak, Taman Sri Rambai, Taman Keensway dan Permatang Nibong untuk Daerah Seberang Perai dan Taman Tambun Indah, Perkampungan Jawi dan Bukit Panchor di Seberang Perai Selatan. Sebanyak 350 penghuni rumah telah mengambil bahagian dengan kutipan lebih kurang 4 tan sebulan. Program Anugerah Sekolah Hijau bagi tahun 2010, sebanyak 30 buah sekolah telah mengambil bahagian. Pada tahun 2011, sebanyak 36 buah sekolah mengambil bahagian dan tahun 2012, sebanyak 53 buah sekolah yang mengambil bahagian.
10. Buat masa ini, restoran, gerai makanan dan penjaja juga mempunyai tong untuk menyimpan minyak masak terpakai. Minyak masak terpakai dijual kepada sebuah syarikat untuk diproses kepada bio-diesel dan

juga diproses kepada sabun. Dianggarkan sebanyak 3,000kg minyak masak terpakai dikutip pada setiap hari.

11. Untuk Program Keceriaan Bandar, MPSP telah bersama-sama dengan Guppy Plastic Industries Sdn. Bhd. dalam membekalkan pasu bunga kepada peniaga-peniaga. Program ini telah dijalankan di Jalan Ong Yi How, Butterworth, Taman Mutiara dan Taman Desa Damai, Pekan Nibong Tebal, Sungai Bakap, Seberang Jaya dan Taman Bayu Mutiara / Bukit Minyak.
12. Beberapa Pusat Sumber Alam Sekitar telah ditubuhkan di Seberang Perai seperti di Taman Bagan Lalang, Taman Desa Damai, Taman Keenways, Taman Sri Rambai, Taman Gemilang, Taman Jentayu, Taman Putri Gunung dan Taman Tambun Indah. Kerja-kerja alam sekitar terutamanya dalam kearah mencapai sisa sifar mendapat perhatian UNEP dan peserta Eco Town akan melawat Taman Bagan Lalang, Permatang Nibong dan Taman Desa Damai pada 12 Disember 2012.
13. Selain itu, MPSP juga bekerjasama dengan Flextronics dalam Anugerah Komuniti Mampan yang terbuka kepada semua JKKK, KRT, RA, JMB dan MC. Tarikh tutup penyertaan adalah 14 Jun 2013. Beberapa pusat pembelian barang kitar semula juga disediakan di pasaraya seperti Pasaraya Sunway Carnival Mall, Seberang Jaya dan Megamal Pinang, Perai.

14. Untuk memastikan usaha-usaha tersebut berkesan dalam jangka masa panjang, program kesedaran ini perlu diadakan secara berterusan serta melibatkan masyarakat setempat. Selain daripada itu, perkongsian bijak dengan pihak swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) juga boleh membantu kita dalam menangani isu-isu alam sekitar. Ini kerana banyak perkara yang sukar dilaksanakan oleh MPSP boleh dilaksanakan dengan kerjasama pihak swasta dan NGOs memandangkan mereka ini berkemampuan dari segi tenaga dan kewangan.
15. Sempena dengan sambutan pada pagi ini, MPSP juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua syarikat yang sudi bekerjasama dengan MPSP dalam menjayakan program-program yang dijalankan sepanjang tahun ini seperti Continental Automobile Malaysia Sdn Bhd, Flextronics yang hadir pada pagi ini. Tidak lupa juga kepada pihak sekolah, pertubuhan dan kilang-kilang yang menghasilkan bebola tanah sepanjang tahun 2011 dan 2012.

Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan,

16. Sempena dengan sambutan pada hari ini, saya ingin menyeru kepada semua yang hadir untuk bersama-sama dengan MPSP dan jabatan-jabatan yang lain seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengaliran dan Saliran menjaga kebersihan alam sekitar.

17. Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucap ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua NGO yang terlibat, pihak swasta dan persatuan-persatuan yang bekerjasama membantu Kerajaan Negeri mencapai “Cleaner, Greener, Safer, & Healthier Penang”

Sekian, terima kasih.